

# Francais membentuk masyarakat dagang

28 JAN 1997

**K**UALA LUMPUR 27 Jan.— Kerajaan memperkenalkan sistem francais sebagai salah satu strategi ke arah pembentukan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdayamaju selaras dengan Dasar Pembangunan Nasional, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kata beliau, ia adalah berdasarkan pada potensi perniagaan francais yang begitu besar di negara ini.

Dr. Mahathir berkata, untuk mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera yang berdaya tahan dan berdaya maju, pelaksanaan perniagaan melalui sistem francais merupakan suatu perubahan yang sesuai.

Selain itu kata beliau, nasannya sudah tiba bagi memperkenalkan sistem pasaran tersebut sebagai salah satu strategi yang baik untuk syarikat-syarikat kerajaan.

"Untuk menggalakkan proses pembangunan eko-

nomi negara ini dan mewujudkan kecekapan dalam pengurusan ekonomi, kerajaan telah melaksanakan pelbagai dasar termasuk program penswastan.

"Masanya telah tiba bagi kita memperkenalkan sistem *franchising* sebagai salah satu strategi yang baik untuk syarikat-syarikat kerajaan," kata beliau ketika berucap merasmikan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia dan melancarkan Program Pembangunan Francais.

Perdana Menteri memberitahu, rakyat Malaysia perlu menerima hakikat bahawa negara ini akan mempunyai perniagaan yang tidak lagi berbentuk milik perseorangan menjelang abad ke-21.

"Perniagaan secara keluarga tidak lagi digunakan sebagai suatu strategi pertumbuhan.

"Tetapi sekiranya, kaedah francais digunakan, perniagaan secara keluarga masih boleh dikembangkan iaitu dengan satu

keluarga memiliki dan mengurus satu unit (*outlet*) sendiri," katanya.

Dengan kaedah itu juga kata beliau, peluang terbuka untuk usahawan dan peniaga bumiputera yang mempunyai modal dan penuh komited melibatkan diri dalam perniagaan berkenaan.

"Peluang bumiputera memasuki perniagaan yang terkenal, bertambah dengan sistem ini," katanya.

Namun kata beliau, sistem francais bukanlah cara untuk berniaga tanpa modal sendiri sama sekali dan tanpa risiko.

"Sistem francais adalah sistem perniagaan dan bukan sistem mendapat duit percuma," katanya lagi.

Tambah beliau, kaedah tersebut harus dijadikan satu strategi yang kreatif dan inovatif untuk mewujudkan unit perniagaan yang baru.

Apa yang lebih menarik lagi bagi peniaga atau syarikat yang sudah menfraiskan perniagaan mereka ialah memperluas-

kan perniagaan mereka tanpa menambah modal dan kakitangan sendiri.

Dr. Mahathir juga berkata, perniagaan cara itu membolehkan pengurusan ke atas pelaburan dan tidak seperti pelaburan dalam saham.

"Penyertaan melalui pembelian saham tidak menjanjikan keupayaan kita untuk memiliki perniagaan tersebut dan menentukan arah tujuannya kerana polisi dan pengu- rusan perniagaannya dibuat oleh pihak lain.

"Pulangan daripada perniagaan francais pula adalah sama jika tidak pun lebih daripada divi- den," katanya.

Beliau seterusnya mem- beritahu, meskipun perni-agaan francais mempun- yai potensi yang besar dan menguntungkan ba- nyak pihak, perhatian perlulah diberikan kepada konsep kerjasama kedua- dua yang terbabit dalam sistem perniagaan.

Kata Dr. Mahathir, struktur perhubungan da- ri segi perjanjian perunda-

ngan hendaklah memberi kepuasan kepada kedua- dua pihak memberi dan menerima hak sistem ter- sebut.

Beliau juga mencadang- kan supaya diadakan pro- gram promosi untuk mem- perluaskan pemahaman konsep francais secara komprehensif, agresif dan kerap.

"Perniagaan francais juga tidak semestinya ha- nya tertumpu kepada per- niagaan yang memerlukan modal yang besar sehingga menyulitkan ba- kal-bakal francais untuk melibatkan diri," katanya.

Menurut beliau, salah satu perniagaan tempatan yang belum diterokai ialah perkhidmatan penginap- an, ejen pelancongan dan perjalanan dan hiburan kebudayaan.

Dalam majlis itu, Perda- na Menteri menyampai- kan plag kepada 30 usaha- wan bumiputera yang menjalankan perniagaan di bawah sistem francais sebagai tanda perasmian perniagaan masing-ma- sing.